

Punca utama peletakan jawatan adalah keletihan melampau dan bebanan kerja

75.5 juta berhenti kerja pada 2021

WASHINGTON – Satu fenomena membimbangkan dilaporkan sedang melanda industri pekerjaan dunia yang dikenali sebagai 'Great Resignation' atau peletakan jawatan beramai-ramai, lapor akhbar *The Indian Express*, kelmarin.

Trend berhenti kerja beramai-ramai itu bermula pada 2020 apabila pandemik Covid-19 menular dan kebanyakan syarikat menghentikan perkhidmatan pekerja bagi mengurangkan kos.

Impak daripada situasi tersebut, pekerja sedia ada atau yang dikekalkan berdepan bebanan kerja berlebihan dan mengalami keletihan kolektif atau 'burnout'.

Pada November tahun lepas, Jabatan Buruh Amerika Syarikat (AS) merekodkan peletakan jawatan sehingga 4.5 juta orang disebabkan alasan sama.

Bilangan ini sepadan dengan bilangan rekod pada bulan



PANDEMIK menyebabkan pengurangan kakitangan dan penambahan bebanan kerja kepada kelompok yang dikekalkan. – INC.COM

September dan menyumbang tiga peratus daripada tenaga kerja yang berhenti kerja setiap bulan.

Anggaran menunjukkan

secara keseluruhan, seramai 75.5 juta orang di AS telah meletak jawatan pada 2021.

Menurut tinjauan *Resume-Builder.com*, sekitar 23 peratus



Analisis MIT juga mendapati bahawa kewujudan budaya korporat toksik adalah kunci utama dalam pertimbangan meletak jawatan dan 10 kali lebih penting berbanding tuntutan kenaikan gaji."

daripada tenaga kerja dilaporkan akan mencari pekerjaan baharu pada 2022.

Pekerja bergaji rendah cenderung untuk meletak jawatan berbanding mereka yang bergaji lebih tinggi dengan sektor paling terjejas termasuk hospitaliti, penjagaan kesihatan, pengangkutan, pergudangan dan utiliti.

Peletakan Jawatan Beramai-ramai sebahagian besarnya di-

orong oleh keletihan tetapi faktor lain termasuk peralihan kepada bekerja dari rumah.

Kajian Institut Perniagaan MIT Sloan mendapati bahawa syarikat penghasilan produk dan perkhidmatan berdepan risiko kehilangan pekerja lebih tinggi kerana tekanan memenuhi kehendak pelanggan semasa musim pandemik semakin berganda.

Analisis MIT juga mendapati bahawa kewujudan budaya korporat toksik adalah kunci utama dalam pertimbangan meletak jawatan dan 10 kali lebih penting berbanding tuntutan kenaikan gaji.

Menurut laporan penyelidikan daripada Projek WFH, walaupun gaji yang lebih tinggi boleh menjadi faktor besar mengekalkan pekerja, namun kebanyakan individu kini lebih menghargai fleksibiliti untuk bekerja dari rumah. – AGENSI



PANDEMIK Covid-19 mendorong lebih ramai pekerja lebih selesa untuk mengamalkan budaya kerja dari rumah. – INC.COM